

***Tarikh Dibaca: 16 MAC 2018M | 28 JAMADILAKHIR 1439H***

# ***KHUTBAH JUMAAT***

***Tajuk:***

***“TERUSKAN BERDAKWAH”***

***\*\*\****

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)  
Timbalan Pengarah (Operasi),  
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)  
Bahagian Pengurusan Masjid,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)  
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),  
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)  
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)  
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)  
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)  
Bahagian Pengurusan Masjid**



## “TERUSKAN BERDAKWAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ  
الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ<sup>ج</sup> <sup>١</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ  
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kehadiran Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Kerana sesungguhnya taqwa itu adalah sebaik-baik bekalan untuk hari akhirat.

Khatib mengajak hadirin Jumaat sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah hari ini yang bertajuk “**TERUSKAN BERDAKWAH**”.

**Hadirin yang berbahagia sekalian,**

<sup>1</sup> Al-Nahl : 125



Dr Yusof Al-Qardawi menyatakan bahawa dakwah adalah satu usaha untuk membawa orang lain kepada agama Islam, melaksanakan semua ketetapan di muka bumi ini, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berjihad ke jalan-Nya. Dakwah juga merupakan kesinambungan tugas para nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah kepada umatnya. Kemudian diteruskan oleh para sahabat, salafus soleh dan para ulama hingga ke akhir zaman.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Nahl ayat 36:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولًا أَنْ أَعْبُدُوا اللَّهَ  
وَأَجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ  
عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan".*

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Secara umumnya kita mengetahui bahawa strategi dakwah disampaikan melalui 3 pendekatan iaitu dakwah dengan percakapan, dakwah dengan perbuatan dan dakwah dengan penulisan. Rasulullah SAW adalah menjadi ikutan yang terbaik dalam berdakwah. Baginda SAW telah dapat menyempurnakan strategi dakwah melalui ketiga-tiga pendekatan yang disebutkan tadi bersama-sama dengan para sahabat Baginda.



Dakwah juga merupakan usaha berterusan dan bukan bermusim. Ia perlu dilaksanakan bersungguh-sungguh dan ikhlas walau menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan. Ini adalah kerana tujuan dakwah itu amat jelas iaitu mengajak manusia untuk tunduk dan patuh sepenuhnya kepada Allah SWT. Sesungguhnya kerja dakwah merupakan tanggungjawab setiap orang yang beriman dengan syarat mestilah mempunyai ilmu asas mengenai ilmu-ilmu yang hendak disampaikan. Setiap orang yang berdakwah akan mendapat kelebihan dan keutamaan apabila dakwahnya diikuti dan diamalkan oleh orang lain.

Hadis daripada Jarir Bin Abdullah Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً، فَعُمِلَ بِهَا  
بَعْدَهُ، كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا، وَلَا يَنْقُصُ  
مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ

*"Sesiapa mengajak orang kepada kebaikan, maka dia akan mendapat pahala seperti pahala orang-orang yang mengikutinya tanpa mengurangi pahala mereka sedikitpun."*

*(Riwayat Muslim).*

Oleh itu, setiap muslim tidak boleh mengelak daripada tugas dakwah untuk mengajak masyarakat ke arah kebaikan, terutamanya kepada ahli keluarga atau yang dibawah tanggungjawabnya. Sesungguhnya dalam menyampaikan risalah dakwah, Islam telah menyediakan prinsip asas yang cukup jelas yang mesti dipatuhi. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Nahl ayat 125 yang bermaksud:



*"Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik".*

### **Muslimin yang berbahagia,**

Setiap pendakwah hendaklah menguasai perkara yang hendak disampaikannya supaya tepat dengan agama Islam. Segala isu yang dibangkitkan hendaklah bertujuan untuk mendidik dan melahirkan umat yang bersikap terbuka, tidak taksud dengan pemikiran jumud atau yang membawa fahaman yang menyimpang jauh dari Islam sehingga merosakkan akidah, syariah dan akhlak Islam yang suci.

Setiap pendakwah sentiasa mendalami ilmu, terutamanya tentang apa yang hendak disampaikan, bersifat jujur dan ikhlas serta memahami selok belok tarbiah Islamiah kerana ia sangat diperlukan untuk mendidik hati-hati yang menjadi sasaran dakwahnya.

Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 108:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾

*"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan Aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah Aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain".*

**Hadirin yang dirahmati sekalian,**



Kepelbagaian metode atau cara berdakwah sangat memberi kesan yang baik dan mendalam kepada setiap sasaran dakwah. Pendakwah mestilah bijak memilih cara yang berkesan, peralatan dan masa yang sesuai serta pengucapan awam yang dapat memikat hati. Namun semua kaedah tersebut hendaklah selari dengan landasan yang dihalalkan oleh syarak. Jangan terlalu mengejar keuntungan dan populariti semata yang boleh mengakibatkan program yang baik, matlamat yang baik tetapi caranya tidak baik, yang berlebihan maka kesudahannya berakhir sebagai tidak baik.

Pendakwah mestilah mengetahui siapakah yang menjadi sasaran dakwahnya. Pepatah pernah mengatakan, "lain lubuk lain ikannya, lain padang lain belalangnya". Maka mereka yang berdakwah mestilah berhikmah dalam menentukan strategi apakah laras bahasa yang hendak disampaikan dengan cara yang jelas, mudah dan bersesuaian. Rasulullah SAW pernah memperingatkan setiap da'i hendaklah bercakap mengikut kadar akal seseorang.

### **Hadirin yang dimuliakan Allah sekalian,**

Adalah dinasihatkan dan diingatkan kepada pendakwah supaya mematuhi dan mengikuti peraturan yang telah ditetapkan pihak-pihak berkuasa Agama seperti memiliki tauliah. Ini adalah bertujuan untuk menyemarakkan dakwah di Negeri Selangor disamping mengawal fahaman dan amalan yang menyalahi akidah, syariah dan akhlak Islam yang telah meracuni umat Islam yang boleh menjejaskan kesucian dan kesejahteraan masyarakat Islam.

Mengakhiri khutbah hari ini, setiap umat Islam diseru agar mengambil perhatian dan sama-sama bertanggungjawab dalam melaksanakan dakwah.



1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa perintah dakwah adalah berasaskan dengan Al-Quran dan Al-Sunnah yang wajib dilaksanakan.
2. Setiap orang beriman hendaklah melaksanakan tanggungjawab dakwah berasaskan ilmu dan menguasai kemahiran berdakwah yang berkesan.
3. Setiap pendakwah mestilah berpegang kepada pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah untuk menjaga keharmonian fahaman agama umat Islam yang benar dan suci.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

*"Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya".*

*(Ali Imran : 104).*





بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ  
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*

Nordin / Syida

07.03.2018



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah SWT,**

Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا  
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ  
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ  
وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاطُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ



الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ أَطْلُ  
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga negeri ini menjadi negeri yang maju, sejahtera dan berkebakjikan dibawah naungan dan kepimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْظِمُكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.